

B. Pilih ayat yang betul.

1. **A** Halida terpegun melihat berbagai barangan yang dijual di kedai itu.
B Sebahagian besar rumah di kampung itu rosak teruk akibat dilanda banjir.
C Tiap peserta diminta berkumpul di padang sebelum acara larian dimulakan.
D Sekalian pokok di kawasan itu telah ditebang oleh pembalak haram.
2. **A** Hanya seluruh ahli mesyuarat yang membantah cadangan itu.
B Ribu penonton berasak-asak untuk memasuki stadium.
C Para-para ibu bapa perlu memantau aktiviti anak-anak mereka pada setiap hari.
D Kelima-lima anak Encik Firdaus telah berumah tangga.

Sistem Bahasa: Bahagian B

A. Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah ini.

tiap-tiap
masing-masing

pertama
berapa

beberapa
sepertiga

setiap
kedua-dua

- (i) Puan Suzila memelihara _____ ekor kucing di rumahnya.
- (ii) _____ beradik itu tinggal bersama-sama dengan datuk dan nenek mereka sejak kecil.
- (iii) Pemanggil _____ yang berjaya menembusi talian akan memenangi wang tunai berjumlah RM1000.
- (iv) Semua murid duduk di tempat _____ sebaik-baik sahaja melihat kelibat guru disiplin yang garang itu.
- (v) Hanya _____ daripada rakan Zaraisya yang datang ke majlis hari jadinya kerana hujan lebat.

B. Tandakan (✓) pada ayat yang betul dan (x) pada ayat yang salah.

(i)	Tiap-tiap pelanggan yang datang ke warung Pak Hassan akan dilayan dengan mesranya.	
(ii)	Beratus biji kuih keria berjaya dijual oleh ibu Fauziah pada setiap hari.	
(iii)	Sudah dua tahun setengah anak sulung Puan Jesica melanjutkan pelajaran di luar negara.	
(iv)	Kaisara memberikan segelintir daripada kek coklat itu kepada adiknya.	
(v)	Deven tersesat semasa mencari rumah rakannya yang terletak di tingkat ketiga pangsapuri itu.	
(vi)	Pak Cik Wahid mengusahakan perniagaan tempe sudah bertahun-tahun lamanya.	